

# Awas! Qur'an baru ciptaan Yahudi

Gema mengenai "Qur'an Moden" yang dikeluarkan oleh seorang penerbit di Lubnan belum pun habis, maka timbul pula suatu cabaran baru untuk menodai kesucian kitab suci Islam "Al-Qur'an al-Karim".

Qur'an baru ini diterbitkan oleh suatu rancang usaha yang paling merbahaya sekali yang diusahakan oleh *Zionist International* untuk memerangi Islam dengan perantaraan mengubah dan mengelirukan setengah daripada ayat-ayat di dalam kitab suci al-Qur'an al-Karim.

Berhubung dengan soal ini kita ada menerima sepucuk surat khas yang ditujukan kepada majalah Qalam daripada Al-Said Arafat el-Ashi Naib Pengerusi Jabatan Hal Ehwal Islam yang terletak di bawah Kementerian Waqaf Negeri Kuwait. Di bawah ini kita siarkan isi kandungan surat itu serta terjemahannya dalam Bahasa Melayu, semoga akan dapat perhatian penuh dari segenap lapisan masyarakat Islam di tanahair kita. – Pengarang.

*Bismi Allāhi al-rahman al-rahīm*

*Al-Sayyid al-Fāḍil/Mudīr mu'assat Qalam al-muḥtarim – Malayziā.*

*Al-Salām 'alaykum wa rahmat Allāhi wa barakatuhu wa ba'ad . . .*

*Min al-wasā'il al-khaḥīrat allatī taḥāwala bihā Ṣahyūniyyat al-'Ālamiyyat muḥārabat al-Islām. Adkhala al-dus wa al-taḥrīf fi ba'da āyāt kitābu Allāh al-karīm.*

*Wa qad lujātu Isrā'īl mu'akkharā ilā ṭabā'at kammiyāt kabīrat min al-muḥṣaf al-sharīf bishakli anīq bi al-ta'āwun ma'a ba'da dūr al-nashr fi al-māniyā al-gharabiyyāt ba'da adkhala al-taḥrīf fi ba'di āyātihi. Wa taqūmu bi 'arḍi hadhihi al-ṭabi'at al-anīqat fi aswāq Afriqiyyā aw junūbu sharqi āsīnā bi as'ār rakhīṣat. Wa tuwazzi 'uhā majānā 'alā ba'di al-jāliyyāt al-Islāmiyyat fi al-bilādi al-Afriqiyyat allatī tansiṭu fihā al-di'āyat al-Ṣahyūniyyat.*

*Ladhā nalfatu nafrukum hadhā al-dus wa al-taḥrīf fi kitābu Allāh āmilīn tawaḍḍīḥahu lilmuslimīn fi bilādikum idhā amakinnakum dhalika. Wa tazawwīdunā bi naskhatu min hadhā al-muḥṣaf ḥattā al-ta'āwun ma'akum 'alā attakhādhu al-ajrā'ati al-lazimat.*

*Wa tafaḍḍalū bi qabūl fa al-qi iḥtarāminā . . .*

*Wa. Mudīr idārat al-shawni al-Islāmiyyat*

*Arafat el-Ashi*

**Awat! Qur'an baru...**

**Terjemahannya:**

Tuan yang mulia/ Pengurus Yayasan  
Percetakan Qalam – Malaysia.

*Al-salāmu 'alaykum wa rahmatu Llahi  
wa barakātuh..* dan kemudian daripada itu:

Daripada rancang usaha yang paling  
merbahaya yang sedang cuba dilaksanakan  
oleh *Zionist* alam *international*  
ialah memerangi Islam dengan jalan  
mengubah dan mengelirukan setengah daripada  
ayat-ayat suci yang terkandung di dalam  
kitab Allah al-Karim (al-Qur'ān)

Dalam masa yang akhir-akhir ini  
Isrā'īl (Yahudi) telah cuba

berlindung (dengan tujuan untuk  
mengabui mata hati orang Islam  
yang jahil – P) dengan mencetak  
sebilangan besar daripada al-Muṣḥaf  
al-Sharīf (al-Qur'an al-Karim) dengan  
bentuk yang indah, bekerjasama dengan  
setengah daripada yayasan penerbitan  
di Jerman Barat setelah memasukkan  
beberapa perubahan (yang mengelirukan)  
sebahagian daripada ayat-ayatnya, yayasan  
penerbitan tersebut sedang mempamerkan  
(Qur'an baru) cetakan indah ini  
di pasar-pasar benua Afrika atau negeri-negeri  
di Asia Tenggara dengan harga yang murah.  
Dan Qur'an-Qur'an baru yang indah itu  
dibahagi-bahagikan dengan percuma kepada para  
Muhajirin Islam yang bermastautin  
di negeri Afrika yang berkembang di dalamnya

*di 'āyah-di 'āyah* (propaganda-propaganda) *Zionist*  
(Yahudi).

Oleh itu kami memalingkan  
perhatian tuan kepada perubahan-perubahan yang  
mengelirukan di dalam kitab Allah itu  
dengan harapan supaya tuan menerangkannya  
kepada seumum kaum Muslimin di negeri  
tuan jika sekiranya yang demikian itu  
boleh tuan lakukan. Dan kami  
berharap tuan mengirimkan kepada kami  
senaskhah daripada Qur'an ini sehingga  
dapat kami bekerjasama dengan tuan  
bagi mengambil sesuatu tindakan  
yang perlu.

Naib Pengerusi

Jabatan Hal-Ehwal Islam

**Arafat el-Ashi**


---

---

# Qur'an Karim

---

---



## Awas! Qur'an baru...

### Harapan Kita

Sebelum kita menerima surat daripada pihak Pejabat Hal-Ehwal Islam di Kementerian Waqaf Kuwait seperti di atas, berita tentang “Qur'an Baru” ini telah pun kita siarkan di majalah Qalam bilangan (215) muka surat (29) yang kita petik dari majalah “*The Muslim World*” sebagai suatu siaran khas yang diterbitkan oleh pihak Kementerian Hal-Ehwal Islam Pakistan. Siaran tersebut adalah seperti berikut:

### Berita Penting yang Menggemparkan

#### Dunia Islam

Kementerian Waqaf Jabatan Hal Ehwal Islam Pakistan telah mengeluarkan pengumuman seperti berikut:

“Orang-orang Islam sedunia hendaklah berjaga-jaga! Musuh-musuh kita sekarang sedang giat berusaha untuk meleburkan agama kita. Tingkah pertama ialah menduduki Jerusalem, (Baitul Maqdis) kiblat pertama Islam dan tempat Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* naik ke langit (di dalam peristiwa Isra’ dan Mi’raj – P). Bukan setakat itu sahaja, perikatan musuh-musuh Islam telah menyerang kesucian al-Qur’ān – kitab suci Islam.

“Isrā’īl dan Jerman Timur (sebenarnya Jerman Barat – P), sekarang sedang mengecap “Qur’an Baru” yang isinya ditukar-tukar hingga bersalahan dari yang asalnya. Qur’an-Qur’an ini sedang

diedarkan ke seluruh negeri-negeri Islam yang bukan dari negara-negara Arab.

“Semua orang-orang Islam adalah dinasihatkan supaya membakar Qur’an ini jika didapati. Pemimpin-pemimpin Islam sedunia sekarang ini sedang bermesyuarat mencari jalan bagaimana untuk menghadapi masalah yang jahat yang sangat besar bahayanya kepada agama kita yang kita kasihi itu..”

Dipetik daripada majalah

#### *The Muslim World*

Nombor 4 – keluaran 24 Ogos ‘68.

#### Ikhwanul Muslimin!

Majalah Qalam sebagai sebuah majalah yang berdasarkan membela kesucian agama Islam yang kita cintai, menganggap bahawa perkara ini adalah berat dan sangat mustahak diambil perhatian penuh oleh pihak kerajaan kita yang agama rasmi negara ialah Islam.

Memang sudah ternyata di dalam sejarah bahawa Yahudi adalah suatu bangsa yang sentiasa memusuhi Islam di sepanjang zaman. Tindakan permusuhan terhadap Nabi *al-Islām ṣaiyidinā Muḥammad ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* memang tak asing lagi di dalam lembaran sejarah. Sedang Allah *subḥānahu wa Ta’ālā* sendiri ada menegaskan sifat-sifat permusuhan bangsa Yahudi ini terhadap Islam dan kaum Muslimin di dalam beberapa ayat a-Qur’ān. Di antaranya firman Allah.

**1- *Wa lan tarqā ‘anka al-yahūdu wa lā al-naṣarā ḥattā tattabi‘a millatahum.***

Ertinya: “Tiada suka kepada engkau orang-orang Yahudi begitu pula orang-orang Nasrani (Kristian) sehingga engkau

turut (menganuti) agama mereka”.

[*al-Baqarah* ayat 120].

**2- *Latajidanna ‘ashadda al-nāsi ‘adāwata lilladhīna ‘āmanū al-yahūda wa alladhīna ‘ashrakū.*** Ertinya: “Sesungguhnya engkau dapati orang-orang yang sangat memusuhi orang-orang yang beriman (orang-orang Islam) ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrik (yang menyengutukan Allah).” [ *al-Mā’idah* ayat 82].

**3- *Wa lammā jā’ahum kitābu min ‘indī Allāhi muṣaddiqu limā ma’ahum wa kānū min qablu yastafīḥūna ‘alā alladhīna kafarū falammā jā’ahum mā ‘arafū kafarū bihī, fala’natu Allāhi ‘alā al-kāfirīna.*** Ertinya:

“Tatkala datang (diturunkan) kepada mereka sebuah kitab (al-Qur’ān) daripada sisi Allah, yang mana kitab (al-Qur’ān) itu membenarkan kitab (al-Taurat) yang ada pada mereka, dan adalah mereka pada masa dahulunya (sebelum Nabi Muhammad diangkat menjadi rasul) mereka meminta pertolongan dengan dia untuk melawan orang-orang kafir, tetapi manakala datang (Nabi Muhammad) kepada mereka, mereka mendustakannya, maka laknat Allah atas orang-orang yang kafir.” [ *al-Baqarah* ayat 89].

**4- *Wa lammā jā’ahum rasūlu min ‘indī Llāhi muṣaddiqu limā ma’ahum nabadha farīqu min alladhīna ‘ūtū al-kitāba kitāba Allāhi warā’a zuhūrihim ka’annahum lā ya’lamūna.*** Ertinya: “Tatkala datang kepada mereka pesuruh Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka, maka sebahagian daripada mereka yang mempunyai kitab itu membuangkannya di belakang punggung mereka, seolah-olah mereka itu tidak mengetahuinya.” [ *al-Baqarah* ayat 101].

**5- *Alam tara ‘ilā alladhīna ‘ūtū naṣībā mina al-kitābi yud‘awna ‘ilā kitābi Allāhi liyakhkuma baynahum thumma yakawallā fawīqu***

## Awat! Qur'an baru...

*minhum wa hum mu'riḏūna*. Ertinya: “Tiadakah engkau melihat orang-orang yang mendapat bahagian dari kitab yang dahulu (al-Taurat) diseru mereka kepada kitab Allah, supaya ia menghukum di antara mereka. Kemudian berpaling suatu puak di antara mereka dengan mengingkari menerima hukum kitab itu.” (*Āli 'Imrān* ayat 23).

**6 – Alam tara 'ilā alladhīna 'ūtū naṣībā mina al-kitābi yashtarūna al-dalālatā wa yurīdūna 'an taḏillū al-sabīla.**

Ertinya: “Tiadakah engkau lihat orang-orang yang beroleh bahagian daripada kitab (al-Taurat) sedang mereka membeli kesesatan dengan pertunjuk dan mereka mengkehendaki supaya kamu juga tersesat dari jalan kebenaran.” [*al-Nisā'* ayat 44].

Meskipun banyak lagi contoh-contoh daripada ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan sikap permusuhan bangsa Yahudi terhadap Islam, tetapi untuk mengisi ulasan yang singkat ini memadalah kita bentangkan enam ayat yang tersebut di atas.

Kesimpulan dari apa yang akan kita katakan di sini ialah suatu kajian ringkas berdasarkan sejarah perkembangan agama Yahudi dan agama Islam. Sejarah perkembangan kedua-dua agama ini ada persamaan dan ada pula pertentangannya, lantaran pada dasarnya kedua-dua agama ini mempunyai kitab suci – kitab Taurat bagi agama Yahudi dan kitab al-Qur'an bagi agama Islam – kedua-dua kitab suci itu adalah diturunkan oleh Allah *subḥānahu wa Ta'ālā* dengan tujuan

untuk menjadi panduan hidup seluruh manusia menuju ke arah kebahagiaan yang tulen sejati dari alam dunia hingga ke alam akhirat.

### Titik-titik persamaan:

Titik-titik persamaan yang didapati di dalam agama Yahudi dan Islam bolehlah diringkaskan di dalam beberapa aspek di antaranya:

1. Agama Yahudi mempercayai keesaan Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*.
2. Dalam kitab lama agama Yahudi (Ortodoks) menyatakan bahawa asal sembahyang penganut-penganut agama Yahudi sama cara dan kaifatnya dengan sembahyang orang-orang Islam.

**3 – Penganut-penganut agama Yahudi lama dan rahib-rahib (paderi) mereka mengamalkan ajaran-ajaran Nabi Allah Musa 'alayhi al-salām yang terkandung di dalam kitab “al-Taurat” asal yang tidak bersalahan dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Al-Qur'an.**

### Titik-titik pertentangan:

Titik-titik pertentangan di antara agama Yahudi dan Islam bolehlah diringkaskan di dalam beberapa aspek di antaranya:

1. Agama Yahudi mementingkan hanya “kaum Nabi Isrā'īl” sahaja yang diakui sebagai penganut agama Yahudi, kalau tidak dengan perantaraan perkahwinan. Mereka menganggap “kaum Banī Isrā'īl” itu sebagai “*al-Shi'ib al-Mukhtār*” (umat yang terpilih) di muka bumi ini.

- 2 – Agama Yahudi mementingkan asal keturunan daripada ikatan persaudaraan di dalam satu agama.

- 3 – Agama Yahudi menganggap hidup sesudah mati itu adalah suatu kepercayaan yang karut dan dongeng di zaman kuno.

- 4 – Penganut agama Yahudi menganggap bahawa hari Sabtu adalah satu hari suci, pada hari itu mereka tidak boleh menjalankan sebarang pekerjaan untuk mencari nafkah hidup.

- 5 – Agama Yahudi mengharuskan meminum arak dengan secara sederhana, selagi si peminum itu tidak mabuk.

- 6 – Ajaran-ajaran agama Yahudi menganggap membunuh diri atau membunuh anak isteri untuk mengelakkan diri daripada malu kerana melakukan sesuatu perbuatan maksiat adalah dianggap mati syahid.

Dengan adanya titik-titik pertentangan di dalam ajaran-ajaran yang dibawa oleh kedua agama – Islam dan Yahudi – itu, maka di sinilah timbulnya rasa permusuhan yang dikobar-kobarkan oleh penganut-penganut agama Yahudi terhadap penganut-penganut agama Islam, terutama apabila mereka lihat ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam mendapat sambutan yang sebegitu pesat daripada umat manusia yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan keturunan, lantaran ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam sangat bersesuaian dengan sejarah perkembangan hidup umat manusia dari suatu zaman ke suatu zaman sehingga membawa kepada zaman moden ini.

Oleh yang demikian itulah orang-orang Yahudi sentiasa mengawasi pergerakan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Islam berdasarkan

## Awat! Qur'an baru...

pengajarannya yang suci itu. Dalam peringkat agama Islam mulai mengembangkan sayapnya ke seluruh pelosok alam benua di zaman Rasulullah dan para Sahabat, maka orang-orang Yahudi mulai meninggalkan tanahair mereka yang subur menghiijau, berhijrah ke kota Madinah yang di kelilingi oleh padang pasir tandus yang kering kontang, di mana di kota suci Madinah itulah Islam mulai bertapak dan terus berkembang.

Mereka mendakwa perpindahan mereka ke kota suci Islam, dengan meninggalkan tanah tumpah darah mereka yang subur makmur itu ialah semata-mata dengan tujuan untuk menghampirkan diri dengan seorang nabi yang baru lahir – sebagaimana tersebut di dalam kitab al-Taurat yang mereka percayai. Dakwaan palsu ini mereka katakan kepada ketua-ketua kabilah Arab di negeri asal tempat mereka menumpang hidup. Mereka meninggalkan kabilah-kabilah Arab itu dengan sebab mereka dari keturunan bangsa pilihan yang telah beriman kepada Allah Yang Maha Esa, sedang orang-orang Arab adalah suatu bangsa yang hina penyembah berhala.

Tetapi apa yang telah mereka lakukan setelah mereka diterima tinggal tetap di kota Madinah? .. Mereka mulai mendirikan benteng-benteng pertahanan ... memperluaskan tanah-tanah tempat kediaman .. memperbanyakkan harta benda .. menjalankan latihan-latihan perang secara rahsia dengan menggunakan senjata .. dan melakukan sesuatu pekerjaan yang tidak pernah

dilakukan oleh orang-orang Arab sebagai penduduk asal dan bumiputra negeri itu. Apabila gerak langkah mereka itu dicurigai oleh orang-orang Arab, mereka lantas menerangkan tujuan mereka berbuat demikian dengan seribu dalih, sehingga tak ada seorang jua pun daripada penduduk-penduduk Madinah yang mencurigai mereka lagi, atau pun cuba hendak menyekat perbuatan-perbuatan mereka yang membahayakan keselamatan awam itu, mereka mengatakan sesuatu di lidah bertentangan dengan niat jahat yang terpendam di lubuk hati mereka yang kotor bernoda itu.. Begitu sekali sikap ikhlas orang-orang Madinah terhadap mereka.

Namun begitu hakikat yang terpendam di jiwa mereka yang durjana itu ialah untuk menentang Nabi Muhammad dan menyekat risalah suci yang dibawanya, sehingga pada akhirnya tembelang mereka yang sejahat itu terbuka juga .. Di sebalik kata-kata manis yang mereka ucapkan di hadapan orang-orang Islam di Madinah sebagai mengabui mata, mereka bekerja di bawah tanah bahu-membahu dengan orang-orang Musyrikin Arab untuk membunuh Nabi Muhammad utusan Allah pembawa agama Islam, supaya dengan terbunuhnya beliau akan berhentilah perkembangan agama Islam yang sebegitu pesat dan maju mempengaruhi jiwa umat manusia yang telah mendapat hidayah dan pertunjuk dari Allah.

Kerana apa semuanya ini mereka lakukan? Lain tidak kerana ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad itu adalah bertentangan dengan ajaran-ajaran agama Yahudi yang mereka banggakan sebagai satu-satunya agama yang benar di muka

bumi ini. Dari sinilah puncanya dendam kesumat yang terpendam di lubuk hati mereka terus berkobar-kobar zaman berzaman dari sejak Nabi Muhammad diutus menjadi Rasul Allah hingga ke hari ini.

Walaupun mereka datang datang yang dilancarkan oleh orang-orang Yahudi... namun begitu Islam tetap berkembang ke seluruh pelosok alam buana ... kaum Muslimin dari suatu masa ke suatu masa tetap bertambah kuat .. bilangan mereka bertambah ramai.. Sehingga dalam masa empat belas abad Islam memancarkan cahayanya ke seantero dunia, jumlah bilangan umat Islam telah sampai ke angka 700 juta jiwa (pada hari ini).

Sifat tamak semulajadi yang pertama di dalam jiwa orang-orang Yahudi itu tak dapat dinafikan, mereka mahukan agama Yahudi itu menjadi hak milik bangsa mereka sahaja, orang lain tak dibenarkan menganut agama mereka itu, tetapi agama orang lain mereka cemburui, mereka tentang dan mereka cuba meruntuhkannya. Sifat-sifat mereka yang seburuk dan sejahat inilah yang menjadikan orang-orang Yahudi itu suatu bangsa yang dilaknat dan dikutuki Allah di sepanjang zaman. Sehingga mereka merupakan suatu bangsa yang tidak mempunyai negeri dan tanahair di beberapa zaman.

Akhirnya pada tahun 1948 sewaktu tentera-tentera Inggeris keluar dari Palestin setelah tamatnya masa Perjanjian "Balfour" menaungi bumi Palestin yang diikat pada tahun 1917 hingga tahun 1948, maka pada ketika itulah kerajaan Inggeris

## Awat! Qur'an baru...

main songlap kayu tiga memasukkan tentera-tentera Isrā'īl (Yahudi) yang dibekali dengan alat senjata peperangan moden yang lengkap merampas dan menguasai bumi dan bandar-bandar besar di Palestin. Dan pada tanggal 15 haribulan Mei 1948 orang-orang Yahudi Zionist telah mengisytiharkan berdirinya “Kerajaan Isrā'īl” di bumi rampasan Palestin hak mutlak kepunyaan bangsa Arab. Kerajaan dunia yang mula-mula sekali mengiktiraf “Kerajaan Isrā'īl” ialah Amerika Syarikat. Kemudian diikuti oleh negara-negara Barat yang lain. Ini adalah taktik kayu tiga yang dimainkan oleh Amerika dan negara-negara Barat lain yang menjadi tulang belakang Isrā'īl.

Lantaran ingin menguasai Terusan Suez hak kepunyaan Mesir, maka pada bulan Oktober 1956 tentera-tentera Isrā'īl dengan dibantu oleh tentera-tentera Inggeris dan Perancis telah menyerang Mesir. Tetapi dengan berkat teguhnya perpaduan umat Mesir akhirnya cita-cita mereka yang tamak dan kotor itu gagal. Terusan Suez kembali ke pangkuan ibundanya (Mesir) setelah sekian lama hasil-mahsulnya diperas oleh kuasa-kuasa besar yang datang dari Barat.

### Peperangan bulan Jun 1967

Dari sejak kegagalannya untuk menguasai Terusan Suez pada tahun 1956 itu, maka perasaan tamak bangsa Yahudi semakin bernyala-nyala di hati nubari<sup>1</sup> mereka yang kotor

bernoda itu. Dengan secara diam-diam mereka memperkuat angkatan tenteranya dibantu oleh kuasa-kuasa besar Barat dengan membekalkan alat-alat senjata moden yang lengkap. Ini tidak disedari oleh bangsa Arab yang berjumlah 100 juta jiwa itu. Mereka asyik dengan bercanggah, bersengketa dan tuduh menuduh di antara satu sama lain. Sehingga suatu umat yang sebegitu banyak bilangannya – jika dibandingkan dengan bangsa Yahudi yang berjumlah 2 juta jiwa itu – menjadi suatu umat yang lemah untuk menghadapi cabaran-cabaran Yahudi yang kian lama kian memuncak itu.

Akhirnya meletuslah peperangan 5 haribulan Jun 1967 di antara bangsa Arab 100 juta dengan bangsa Yahudi 2 juta itu. Dengan tidak diduga-duga peperangan itu tamat dalam masa 6 hari, di mana Ghazah, Sinai dan Baitul Maqdis berjaya ditawan dan terus dikuasi oleh bangsa Yahudi hingga ke hari ini. Memang tidak syak lagi tujuan serangan-serangan yang dilancarkan oleh tentera-tentera Yahudi pada 5 haribulan Jun 1967 itu ialah untuk menghancurkan dan memusnahkan kekuatan angkatan senjata bangsa Arab.

Sekarang, cita-cita mereka untuk menguasai sebahagian daripada bumi Arab itu telah dapat dilaksanakan. Namun begitu mereka masih belum merasa puas sebelum seluruh negara Arab dapat mereka kuasai .. Mereka masih belum puas sebelum agama Islam yang diturunkan Tuhan di bumi Arab itu dapat mereka hapuskan dari muka bumi ini.

Inilah sebagai langkah pertama mereka merintis jalan untuk menghancurkan agama Islam dari permukaan alam ini, dengan diam-diam mereka mencetak “Qur'an baru” yang mana surah-surah dan ayat-ayatnya diubah, ditukar ganti dan ditimbal balik dengan tujuan untuk mengelirukan fahaman penganut-penganut Islam terhadap agama suci yang mereka cintai. *Ṣadaqa Allāhu al-‘aẓīm* yang berfirman:

“*Wa lan tarqā ‘anka al-yahūda wa lā al-naṣārā ḥattā tattabi‘a millatahum*”<sup>2</sup>

Ertinya: “Tiada suka kepada engkau orang-orang Yahudi begitu pula orang-orang Nasrani sehingga engkau turut menganut agama mereka.”

“*Latajidanna ‘ashadda al-nāsi ‘adāwata lilladhīna ‘amanū al-yahūda wa alladhīna ‘ashrakū*”<sup>3</sup>

Ertinya: “Sesungguhnya engkau dapati orang-orang yang sangat memusuhi orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrik.”

### Seruan Kita

Sebelum menutupi ulasan kita yang ringkas ini, kita terlebih dahulu berseru kepada kerajaan, kemudian kepada para alim-ulama, pertubuhan-pertubuhan Islam, maktab-maktab pengajian tinggi Islam, seterusnya kepada pejabat-pejabat agama negeri dan orang-orang perseorangan yang terdiri daripada kaum Muslimin dan Muslimat di negara ini, agar mereka memandang berat soal ini, lantaran soal ini adalah tanggungjawab kita bersama, tanggungjawab kita di Hari Kemudian, di hadapan Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā*.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah sanubari.

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah ayat 120

<sup>3</sup> Surah al-Ma'idah ayat 82

### Awas! Qur'an baru...

Jika ada di antara tuan-tuan dan puan-puan para Muslimin dan Muslimat yang menjumpai naskah “Qur'an Baru ciptaan Yahudi” itu kirimkanlah kepada kita, supaya dapat kita sampaikan kepada pihak :Kementerian-kementerian Agama dan Waqaf” di negara-negara Arab di Timur Tengah, kerana “Qur'an baru” ini hanya disebar oleh orang-orang Yahudi kepada orang-orang Islam di benua

Afrika dan Timur Jauh ini sahaja. Mereka memang bimbang “Qur'an-qur'an baru” yang mengelirukan ini diketahui oleh kaum Muslimin di negara-negara Arab.

Sekian harapan kita semoga mendapat perhatian dan penghargaan dari semua pihak yang berkenaan di seluruh Nusantara. *Wa Allāhu al-musta'ān, wa huwa subhānahu al-qā'il: "Innā nahnu nazzalnā al-dhikr wa 'innālahu laḥāfīzūna".*  
*Wa bi Allāhi al-tawfīq.*

**Abdul Aziz al-Murshidi**

Pengarang Majalah Qalam

### Kata-kata Hikmah

Apabila dibacakan orang ayat-ayat yang terang kepada mereka, lalu berkatalah orang-orang yang tiada mengharapkan berjumpa dengan Kami: “Cubalah engkau datangkan Qur'an selain daripada ini atau tukarkanlah ia!” Katakanlah kepada mereka: “Saya tidak berhak buat menukarnya (mengubahnya) dari saya sendiri. Tiadalah saya mengikut selain daripada yang diwahyukan kepada saya. Sesungguhnya saya takut, jika menderhakai Tuhan saya, akan seksaan Hari Kiamat.”

[Yūnus : 15]

SUDAH TERBIT!

## Kesah2 Dari Sejarah Islam Untok Bacaan Kanak2

Isi-lah Almari “TAMAN BACHAAN” anak tuan2 di-rumah dan di-sekolah2 dengan buku2 cherita yang berdasarkan pendidekan Islam. Mendidek jiwa kanak2 ka-arrah semangat chintakan Islam ada-lah kewajipan ibu bapa dan guru2. Galakkan-lah anak tuan2 membacha buku “Siri Kesah Tokoh2 Sejarah Islam” yang kami suson khas untok bacaan kanak2 bagi menambah pengetahuan mereka memperkenali Tokoh2 Islam di-zaman silam.

Buku ini kami terbitkan dengan chara bersiri2 dan akan di-terbitkan terus menerus dari suatu masa ka-suatu masa.

Siri	I	:	RUPA YANG BUROK	...	...	40 sen.
“	II	:	RAHSIA YANG TERBUKA	...	...	50 “
“	III	:	MENJINAKKAN	...	...	50 “
“	IV	:	GABNOR DAN HAKIM	...	...	60 “
“	V	:	DUSTA YAHUDI	...	...	40 “
“	VI	:	MENCHARI YANG HALAL	...	...	40 “
“	VII	:	IBNU SINA	...	...	(Sedang di-sapkan <sup>1</sup> )
“	VIII	:	KHAULAH dengan SUAMI-NYA	...	“	
“	IX	:	DI-PENCHILKAN	...	“	

Tiap2 pesanan tambah wang stem 10 sen.

(Untok satu siri)

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

SELANGOR.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya di-siapkan.